

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN
(BUKIT KATIL)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **13.03.2014**

Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

(a) statistik penjawat awam yang memiliki rumah sendiri dan juga yang belum memiliki rumah sendiri dalam tempoh 5 tahun dari tahun 2009 sehingga 2013; dan

(b) sama ada projek perumahan seperti PR1MA yang dilancarkan berjaya meningkatkan pemilikan rumah sendiri di kalangan penjawat awam, dan nyatakan setakat manakah keberkesanannya.

JAWAPAN

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jawapan : HLD

Statistik bilangan penjawat awam yang memiliki rumah sendiri melalui pembentukan Bahagian Pinjaman Perumahan (HLD) bagi tempoh lima (5) tahun iaitu 2009 hingga 2013 adalah seperti berikut:-

TAHUN	STATISTIK BILANGAN PENJAWAT AWAM
2009	38058
2010	37097
2011	38391
2012	43185
2013	44219

Jawapan : PR1MA

Rumah-rumah PR1MA adalah terbuka kepada semua individu atau keluarga (suami dan Isteri) dengan pendapatan purata bulanan isi rumah antara RM2,500 - RM7,500. Program PR1MA yang khusus untuk golongan berpendapatan sederhana ini telah menarik minat ramai termasuk penjawat awam untuk memiliki rumah. Ini adalah kerana harga rumah PR1MA adalah sekurang-kurangnya 20 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran terkini rumah yang mempunyai spesifikasi yang sama di kawasan persekitaran projek perumahan PR1MA tersebut. Secara amnya, harga rumah yang ditawarkan adalah di antara RM100,000 - RM400,000 dan ianya tertakluk kepada lokasi dan jenis spesifikasi rumah berkenaan.